

26 OCT 1997

Nik Aziz-Pusat

HUBUNGAN KELANTAN DAN KERAJAAN PUSAT BAIK

KOTA BAHARU, 26 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata sokongan terbuka kerajaan negeri baru-baru ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menerajui kepimpinan negara membuktikan hubungan kerajaan pusat dan negeri semakin baik.

Katanya kerjasama PAS dan kerajaan pusat kini semakin pulih hingga PAS sanggup menyokong kepimpinan Dr Mahathir semasa negara menghadapi krisis ekonomi.

"Bagaimanapun perbezaan pendapat tetap ada antara PAS dan kerajaan pusat bagi sesuatu isu malahan perbezaan pendapat itu adalah baik kerana menunjukkan sesuatu bangsa itu hidup," katanya ketika ditemui selepas persidangan Belanjawan Dewan Undangan Negeri Kelantan di sini hari ini.

Beliau mengulas titah Sultan Kelantan semasa merasmikan sidang itu yang meminta agensi dan jabatan kerajaan pusat serta negeri supaya sentiasa bekerjasama bagi faedah rakyat Kelantan.

Menyentuh teguran Sultan Kelantan tentang projek menaikkan taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini yang masih tertangguh, Nik Aziz berkata projek itu yang terletak di bawah kuasa kerajaan pusat diharap dapat dilaksanakan segera bagi mempercepatkan proses pembangunan negeri.

Katanya lapangan terbang itu kini semakin sibuk kerana jumlah penumpang dan penerbangan yang semakin bertambah.

Nik Aziz turut akur dengan Sultan Kelantan bahawa bandar Kota Baharu kotor hingga memburukkan imej Kelantan di kalangan pelancong dan beliau berharap ianya dapat diatasi segera.

"Kita akui krisis dalamam MPKB (Majlis Perbandaran Kota Baharu) membabitkan Yang Dipertua dan pegawai tadbir negeri pada tahun lepas menjejaskan fungsi MPKB dan kita harap perkara ini akan dapat diatasi," tambahnya.

Sementara itu Yang Dipertua MPKB Nordin Yaakub yang juga anggota Kelabran ketika ditemui berkata pihaknya akan berusaha meningkatkan kebersihan bandar ini serta melancarkan program bagi menarik pelancong sejajar dengan promosi Tahun Melawat Kelantan tahun depan.

"Kita terima teguran yang dibuat Sultan untuk bersihkan Kota Baharu tetapi bersih itu sebenarnya adalah relatif," katanya yang baru dilantik kerajaan negeri bagi jawatan itu bulan lepas menggantikan wakil rakyat Pengkalan Pasir, Hassan Abdullah yang dilantik sebagai anggota Exco Kelantan. -- BERNAMA

RAR RON